

Amirudin dahului senarai terima darjah

MB Selangor
terima kelas
pertama SPMS
bawa gelaran
Datuk Seri

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Menteri Besar, Amirudin Shari mendahului senarai penerima darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-74 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Amirudin yang menyandang jawatan Menteri Besar sejak tahun lalu, bakal menerima darjah kelas pertama, Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor

(SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri untuk penerima lelaki dan Datin Paduka Seri untuk wanita.

Sultan Selangor turut mengurniakan darjah kelas pertama, Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Datuk Setia kepada lelaki dan Datin Paduka Setia untuk wanita kepada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sembilan penerima dianugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita, termasuk Ketua Hakim Syarie Selangor, Mohammad Adib Husain; Duta Besar Malaysia ke Sweden, Nur Ashikin Mohd Taib; Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Datuk Abdul Rahman Ayob; Asisten Ketua Staf



Amirudin Shari



Yeoh Seok Hong



Aini Ideris



Zulkifli Idrus



Mohammad Adib Husain



Hashim Osman

Markas Tentera Darat, Datuk Badrul Hisham Muhammad dan Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Hashim Osman.

Yang turut menerima SSIS, Pengarah Urusan YTL Power International Berhad, Datuk Yeoh Seok Hong; Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor; Zamani Ahmad Mansor; Timbalan Naib Canselor UPM (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Zulkifli Idrus dan Bursar UPM, Zulkiflee Othman.

Kerabat Diraja Selangor, Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail Syed Anwar Jamalullail

dan Raja Muzaffar Raja Redzwa pula antara lapan penerima Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS), membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Penerima lain, Asisten Ketua Staf, Bahagian Komunikasi dan Elektronik Markas Angkatan Tentera Malaysia, Laksamana Muda Shamsuddin Ludin; Ketua Pengarah Hidrografi Nasional, Laksamana Muda Hanafiah Hassan dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat.

Yang turut menerima DSIS, Pengarah Urusan Kumpulan ZI-

KAY Group Berhad, Datuk Mohd Khay Ibrahim; Pegawai Protokol Pejabat Sultan Selangor, Ahmad Fasal Zakaria dan Pengarah Tanjung Balai Group, Yap Chong Heong.

Sementara itu, masing-masing 13 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran-Setia Mahkota Selangor (SMS) dan Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS), 20 menerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS), 19 menerima Darjah Kebesaran Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (AIS) dan tujuh menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang (BPC).